

20/01/2002

'Keadilan tidak boleh pergi jauh'

Jamhariah Jaafar

NAMA Marina Yusoff agak tenggelam daripada dunia politik. Kali terakhir namanya disebut apabila suratnya kepada Dr Chandra Muzaffar (bekas Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional) ketika beliau keluar daripada parti itu, tersebar luas. Namun bekas pemimpin yang sering menimbulkan kontroversi, malahan pernah dilabel sebagai 'si katak lompat' tidak gentar untuk menyatakan kebenaran sekiranya memang patut disuarakan. Melihat parti Keadilan semakin melencong daripada misi asalnya untuk membawa keadilan kepada rakyat, Marina secara jujur mengiktiraf semula kewibawaan Barisan Nasional (BN). Wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR menemu bual beliau mengenai kemelut dalam Keadilan sekarang dan mengapa semakin ramai ahli Keadilan kecewa terhadap perjuangan parti yang dipimpin Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

BOLEH Puan nyatakan mengapa Puan keluar daripada Keadilan?

Ketika saya keluar, Keadilan mengalami banyak masalah. Sebenarnya, saya bukanlah berminat sangat nak sertai politik ketika itu (1998), tetapi saya terbabit secara langsung kerana cuba membela Datuk Seri Anwar (Ibrahim) kerana saya tidak setuju dengan cara dia dipecat. Ketika itu saya dapati proses undang-undang atau 'basic rule of law' tidak diikuti dan saya sebagai peguam berasa banyak yang tidak betul. Dalam pada itu, saya secara tidak langsung terbabit dengan penubuhan parti Keadilan. Tetapi sejak awal, saya sudah berkata saya tidak berminat untuk memegang apa-apa jawatan, cuma sekadar membantu. Jadi selepas setahun, saya meletak jawatan.

Tetapi dalam setahun saya berada di dalam parti itu memang banyak masalah kerana timbul banyak percanggahan terutama dengan Chandra Muzaffar. Antaranya, cara dia mentadbir parti politik yang pada saya adalah salah, kerana dia cuba mengongkong dan semua keputusan mesti melalui dia serta dia tidak membenarkan sesiapa memberi pendapat dan berkembang. Ini menyebabkan ramai orang tawar hati dengan perjuangan dan ramai orang lari.

Di samping itu, saya juga dapati memang sukar mengendalikan parti politik yang baru kerana banyak kekurangan, terutama dari segi kewangan... contohnya siapa yang buat kerja dia kena keluar duit sendiri dan saya memanglah tidak kuat dari segi ekonomi, kerana bangunan saya tidak siap lagi. Jadi, saya membuat keputusan berundur diri kerana tidak dapat memberi penglibatan yang boleh menguntungkan parti. Pada saya, kalau saya tidak dapat memberi kesan, baiklah saya tarik diri. Dan sekarang Chandra sendiri tarik diri.

Tetapi memandangkan cara politik sekarang amat sukar bagi Keadilan untuk mencapai apa-apa kerana isu semasa banyak memberi kelebihan pada Barisan Nasional (BN), khususnya kerana pendirian Dr Mahathir yang menyokong dan membela negara Islam, membantu orang teraniaya dari Afghanistan, berani menentang Amerika Syarikat... ini menyebabkan banyak orang tabik dan hormat pada PM. Saya sendiri pun tabik dan hormat pada dia, kerana dia menunjukkan kebenaran agama Islam dan memberi keutamaan pada Islam. Dari segi itu saya sokong sepenuhnya.

Saya harap parti pembangkang pun akan menyokong PM dalam perkara ini. Walaupun kita ada perbezaan isu semasa dalaman atau pendapat, tetapi bila ada isu antarabangsa yang membabitkan imej dan maruah negara, semua parti pembangkang mesti sokong kerajaan yang memerintah dan bersatu suara menentang anasir luar yang cuba merosakkan negara kita.

Ini tidak bermakna pembangkang itu salah ataupun rugi dari segi penyokong atau sebagainya. Kita boleh menyokong parti pemerintah dalam beberapa isu yang menyentuh hak asasi manusia, hak agama dan negara kita. Tidak semestinya pembangkang mesti menentang seratus peratus, sebaliknya dalam isu tertentu kita mesti bantu dan kita mesti sokong PM atas kapasiti beliau sebagai PM. Dalam hal parti, itu lainlah kerana itu isu dalaman yang sebenarnya tidak begitu besar tetapi apabila diperheboh, jadilah ia besar.

Tetapi pada masa yang sama, saya harap parti pemerintah akan bertolak ansur kerana pihak pembangkang sebenarnya bukan pengganas, bukan penjahat dan bukan budak yang mengkhianati negara. Bagi saya, ramai antara mereka yang ditahan di bawah ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri) terutama daripada parti Keadilan bukan pengganas dan penjahat, cuma mereka ini orang yang berani.

Jika kita hendak betul-betul pulihkan ekonomi negara, jangan adakan demonstrasi atau tunjuk perasaan. Tetapi pada masa yang sama parti pemerintah juga perlu pertimbangkan kalau kita ada apa-apa isu penting, kita mempunyai hak untuk mengeluarkan perasaan dan pendapat kita... ini saya cakap bukan sebagai ahli politik lagi tetapi sebagai peguam dan orang yang betul-betul mendokong hak asasi manusia.

Bagi saya politik ini is the art of the possible (seni yang mempunyai segala kemungkinan), kalau kita tidak boleh pergi lagi janganlah kita hantuk kepala kita ke dinding. Kita mesti fikir kalau dah jalan ini tidak boleh, carilah jalan lain.

Kalau jalan keras tidak boleh, kita carilah jalan lembut. Kita sebagai manusia, kita mesti fleksibel dan mesti faham bahawa Dr Mahathir adalah seorang pemimpin yang ada `pride' (maruah) dan ego. Dan dalam keadaan di mana gajah sama gajah berlawan, pelanduk akan tersepit di tengah. Jadi saya anggap, kita semua ini termasuk yang ditahan di bawah ISA ini semua sebagai pelanduk, kita tersepit selepas kedua-dua gajah berlaga.

Bagaimana Puan melihat masa depan Keadilan?

Saya rasa masa depan Keadilan tidaklah boleh pergi jauh, bukan kerana tidak ada orang berkebolehan tetapi kerana cara dan suasana politik sekarang banyak menekankan tidak mahu demonstrasi dan polis pula tidak akan bertolak ansur sekiranya ada sebarang tunjuk perasaan.

Kalau begitu caranya dan parti pembangkang pula faham bahawa mereka tidak akan dibenarkan, mereka kena cari jalan lain... jalan aman. Kalau jalannya lembut mungkin Dr Mahathir juga akan berlembut. Kalau kita keras, kita tidak boleh harapkan orang itu akan lembut. Kalau lembut dengan lembut... insya-Allah akan ada penyelesaian.

Tetapi jika ditanya mengenai masa depan Keadilan, saya tidak nampak parti ini boleh jadi parti pemerintah... mungkin hanya sebagai pembangkang yang baik, tetapi untuk memerintah masih ada kekurangan lagi.

Puan pernah masuk Semangat 46 (S46), kemudian masuk semula Umno, dan pada kemelut 1998 menyertai pula Keadilan. Ramai yang melihat Puan sebagai tidak ada pendirian tegas?

Sebenarnya ketika penubuhan S46, saya rasa bertanggungjawab sebab saya adalah antara orang cuba bawa kes untuk menegakkan keadilan dan kebenaran, kerana ramai yang menghadiri mesyuarat agung (Umno) tahun itu (1987) secara tidak sah. Jadi, kerana saya adalah yang bawa kes ke mahkamah sehingga Umno asal diharamkan dan dibatalkan, saya rasa bertanggungjawab.

Sebenarnya, kita sertai S46 kerana ingin wujudkan kembali Umno lama iaitu dengan semangat Umno lama... Apabila kita wujudkan S46 kerana tidak dibenarkan gunakan nama Umno, kita guna nama S46 dan dinaungi Tunku Abdul Rahman, beliau juga menjemput Dr Mahathir. Tujuan kita mewujudkan S46 adalah untuk menyatukan Melayu bukan hendak memecahkan Melayu.

Tetapi hakikatnya ialah tidak ada perbezaan antara Umno baru dan Umno

lama. Selepas kita kalah pada pilihan raya umum 1990, saya sendiri minta pada Ku Li (Tengku Razaleigh Hamzah), kembali pada Umno (baru), tetapi beliau tidak bersetuju. Tetapi oleh kerana saya rasa tidak ada makna saya teruskan perjuangan bersama S46 kerana ketika itu Melayu berpecah belah, saya membuat keputusan untuk keluar politik.

Saya berdiam diri lebih kurang dua tahun. Tapi apabila Datuk Kadir Sheikh Fadzil (Menteri Kebudayaan dan Pelancongan) menjemput saya ke dalam Umno, kerana dia mengatakan PM minta saya masuk balik Umno, saya masuk semula kerana berasa masih boleh beri sumbangan. Tetapi selepas jadi ahli, mesyuarat pun tidak pernah panggil.

Jadi saya berdiam diri dan babitkan diri secara serius di dalam perniagaan dan meneruskan pembinaan bangunan yang telah lama saya rancang.

Bagaimana penilaian Puan terhadap Keadilan sekarang?

Perpecahan dalam Keadilan memang wujud. Ia terdiri daripada golongan Abim, JIM (Jemaah Islam Malaysia) dan NGO (pertubuhan bukan kerajaan) lain. Pelbagai jenis manusia di dalam itu dan ada juga orang yang tidak pernah masuk politik tetapi apabila dah pegang kuasa, timbullah perasaan tamakkan kuasa... maka timbullah pergolakan. Tetapi ia sama dengan parti politik lain. Jadi saya rasa dalam Keadilan berkocak kerana ada pihak yang hendak merebut kuasa.

Dalam kes pilihan raya kecil Indera Kayangan, kita memang tahu calon yang ingin bertanding dan dicadangkan ialah bekas setiausaha agung Keadilan (Anuar Tahir). Jadi pada saya bila dia tidak dapat jadi calon, ini memang langkah mereka untuk menghancurkan parti... ini dari mata kasar saya tetapi isu dalaman saya tidak tahulah. Jika letakkan calon Melayu, peluang menang memang ada.

Tidakkah Puan melihat Keadilan sekarang sebagai parti yang kurang matang, agresif dan emosional?

Yalah, tapi kalau nak kata emosional, BN pun ada yang emosional. Tetapi yalah ini adalah parti 'of young people' (parti orang muda), ia bukan untuk orang tua seperti saya. Jadi, saya tengok kadang-kadang itu memanglah langkah dan percakapan mereka itu tidak kena.

Contohnya, ada orang yang sentuh mengenai kematian anak Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, jadi saya sebagai orang yang pernah kehilangan anak 10 tahun lalu, memang berasa amat simpati.

Bagaimana Puan melihat kedudukan Wan Azizah yang dianggap sebagai Presiden proksi dan beliau kelihatan tidak begitu dihormati, manakala suaranya tidak begitu didengar oleh orang bawahannya?

Memanglah sejak dulu lagi saya tidak sorok perasaan saya terhadap perkara ini. Malahan, saya sudah cakap pada Wan Azizah, bagaimana anda boleh menjadi pemimpin kepada parti ketika anda sendiri tidak boleh membawa isu yang membabitkan diri dan suami anda. Tetapi dia memang ketika itu tegas untuk memegang jawatan dan ketika itu Anwar belum menjadi ahli lagi. Apabila Anwar akhirnya bersetuju menjadi ahli, pendirian saya yang pertama ialah mencadangkan supaya Anwar mesti ditawarkan jawatan Presiden.

Tetapi Chandra menentang habis-habisan dan Wan Azizah sendiri tidak bersetuju hendak melepaskan jawatan. Jadi bagi saya, dari situ saya sudah berasa tidak betul, walaupun Anwar tidak terima itu lain cerita, tetapi sepatutnya Anwar ditawarkan dulu jawatan berkenaan. Jadi Wan Azizah akan teruskan tugasnya sebagai proksi dan semua orang tahu Wan Azizah memegang jawatan itu sebagai proksi, malahan sehingga sekarang. Dalam parti politik, jika ia ingin memerintah, ia mesti mempunyai seorang pemimpin yang kuat, tegas dan berani.

Senario politik negara menyaksikan Dr Mahathir mempunyai era turun dan naik, tetapi beliau sentiasa membuktikan akhirnya masa dan kebenaran menyebelahnya, Umno pula terus relevan dan kukuh. Bagaimana pandangan Puan?

Kalau anda tanya pendapat saya, ketika ini Dr Mahathir 'is at his strongest point and at his highest peak' (pada kedudukan terkuat dan di puncak tertinggi). Dengan percaturan politiknya sekarang, saya pun sokong pendiriannya, kerana banyak isu yang dibawa terutama dari segi keislaman, graf dia pada saya sudah naik. Beliau membawa negara ini kepada laluan yang betul. Malaysia adalah sebuah negara berprinsip, kerana itu kita dihormati oleh seluruh dunia Islam.

Saya baru balik dari Makkah dan saya pergi pada Oktober lalu. Selepas kejadian 11 September, saya dapati negara Arab semua memang bila sebut Malaysia dia terus sebut Dr Mahathir. Beliau terkenal dalam al-Jazeera dan pelbagai media Islam lain, Malaysia dan Dr Mahathir menjadi 'centre of attention'. Apabila kita membeli di kedai di Makkah, sebut saja Malaysia dia terus bagi murah-murah... dari situ kita tahu kita disanjung tinggi dan saya berasa amat berbangga sebagai rakyat Malaysia.

Dari situ saya tukar fikiran, kalau dia pernah buat saya marah, hilang marah saya kerana 'he is doing the right thing for the country' (beliau melakukan perkara yang betul untuk negara ini).

Bagaimana pula pendapat Puan mengenai Pas yang terus mengkritik pemerintahan Dr Mahathir dan tidak menganggap negara ini sebagai sebuah negara Islam yang sebenarnya, sedangkan dunia sudah mengiktiraf kedudukan kita sebagai sebuah negara Islam?

Dari segi itu, saya sejak Umno dulu lagi, tahu pemimpin Pas tidak berminat dengan wanita seperti saya kerana terlalu progresif. Kalau dalam Pas, wanita seperti saya tidak akan pergi jauh. Tidak seperti kerajaan sekarang, di bawah pemerintahan Dr Mahathir, beliau memberi pelbagai jawatan penting kepada wanita dan mengiktiraf kewibawaan wanita itu sendiri dan pendirian itu memang saya sanjung tinggi. Kedudukan wanita kita sekarang begitu tinggi malahan sehingga menjadi Peguam Negara dan gabenor Bank Negara. Di situ saya berasa bangga. Dari sudut perkembangan wanita, saya memang memberi sokongan kepada BN kerana saya tidak nampak parti Pas akan beri tempat lebih luas kepada wanita.

Kita ini walaupun tidak berjubah tetapi keislaman di dalam hati kita dia tidak tahu... jangan dia hendak mengutuk kita. Isu sama ada wanita tutup kepala atau tidak sentiasa dijadikan isu... tanpa melihat sama ada orang itu beriman, boleh membaca al-Quran dengan betul. Ini adalah negara kita dan budaya kita, tidak perlu berjubah-jubah.

Pada saya, yang berjubah dengan hanya nampak dua biji mata itu yang boleh disyaki. Saya minta maaf, kerana saya bukan pro orang berjubah. Pada saya, wanita lebih manis berbaju kurung dan bertudung dan itu sudah cukup... saya tidak boleh tolerate orang sampai tutup muka. Apa salah kalau kita ikut budaya kita iaitu memakai pakaian bersopan santun...jangan campur agama dengan budaya seperti budaya Arab.

Dari segi kepimpinan pula, kita tidak payah tengok jauh - wanita Pas kena duduk bawah dan tidak ada seorang pun duduk di atas pentas. Umno ada juga wanita di atas pentas. Kalau ada pun yang ada duduk atas pentas bersama pemimpin Pas pun ialah Wan Azizah... itu pun kerana dia nak guna Wan Azizah dan isu Anwar.

Apa pandangan Puan mengenai Umno sekarang?

Pada fikiran saya, Umno kena berhati-hati. Memang perpecahan besar berlaku ketika kemelut politik 1999. Isu Anwar masih belum selesai dan pemimpin Umno tidak boleh tutup mata, sebaliknya mereka perlu pastikan ia diselesaikan segera. Perpecahan di kalangan bangsa Melayu sekarang ada yang berkaitan dengan Umno. Realitinya, Umno mesti mencari penyelesaian segera.

(END)